



## **Nokia komited bantu syarikat Malaysia berkembang**

Mohd Zaky Zainuddin

Oktober 11, 2022 @ 2:21pm

KUALA LUMPUR: Nokia Corp menyatakan komitmen untuk menyokong perniagaan di Malaysia menerusi hala tuju transformasi digital dan Industri 4.0, seterusnya memperkukuhkan kehadirannya di negara ini.

Pengarah Urusan Nokia bagi Malaysia, Sri Lanka dan Maldives, Datuk Mohd Rauf Nasir, berkata syarikat teknologi komunikasi itu melihat banyak tarikan dalam industri dan perniagaan perusahaan yang mahukan penyelesaian kritikal khususnya dalam projek digital.

Katanya, pasaran Malaysia memiliki ruang untuk Nokia berkembang dan membantu perniagaan tempatan termasuk dalam mengaplikasikan rangkaian mudah alih, perkhidmatan awan dan rangkaian, infrastruktur rangkaian dan teknologi yang dimiliki syarikat itu.

"Kami menetapkan fokus untuk membantu perniagaan di Malaysia selaras dengan perkembangan pembangunan rangkaian 5G di negara ini, Kami melihat banyak tarikan ditampilkan oleh perniagaan di sini.

"Dengan memanfaatkan kepimpinan Nokia dalam pasaran terutamanya rangkaian tanpa wayar persendirian, kami menyasarkan untuk mengembangkan kehadiran kami di Malaysia selepas melihat banyak peluang terhidang dan ruang lingkup syarikat telekomunikasi dan perniagaan," katanya pada taklimat media Hari Teknologi Nokia di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Teknologi Nokia Malaysia, Preetha Nadarajah.

Mengulas lanjut, Mohd Rauf berkata, Nokia juga telah berhubung rapat dengan kerajaan dan penyedia rangkaian tempatan untuk mempercepatkan lagi aspek pendigitalan industri utama negara.

Katanya, langkah proaktif syarikat terbabit selaras dengan inisiatif diumumkan dalam Bajet 2023 yang jelas menunjukkan keperluan untuk menjadikan ekosistem digital lebih mantap.

"Kerajaan menyebut beberapa peruntukan untuk industri telekomunikasi. Sebagai contoh, meningkatkan ketersambungan dengan liputan 100 peratus penduduk dan meningkatkan akses jalur lebar gentian kepada sembilan juta premis gentian menjelang 2025.

"Justeru, dengan matlamat ini, kami percaya pasti ada peluang untuk kami mengembangkan kehadiran Nokia meskipun wujud persaingan daripada syarikat teknologi lain," katanya.

Sementara itu, beliau menegaskan, teknologi tanpa wayar persendirian terbukti menjadi pemboleh ubah kritikal dalam mempercepatkan Industri 4.0.

"Malaysia terus melaksanakan strategi Industri 4.0 yang lebih kritikal berbanding sebelum ini bagi membolehkan perniagaan mempercepatkan penggunaan teknologi dan membuka peluang baharu untuk meningkatkan ekonomi Malaysia.

"Kami berharap dapat meneruskan hubungan yang sudah lama terjalin dengan rakan kongsi di Malaysia dan menggunakan penyelesaian terbaik dalam aspek yang diperlukan untuk memacu perjalanan transformasi digital negara serta mengubah kehidupan rakyat Malaysia," katanya.

Nokia menjadi peneraju global dalam teknologi 5G selepas memiliki 233 perjanjian 5G komersial dan menguasai 77 rangkaian langsung 5G.

Daripada jumlah itu, Nokia memiliki 21 perjanjian 5G di seluruh rantau Asia Pasifik dan Jepun di mana syarikat itu memainkan peranan aktif dalam membawa rantau ini ke masa depan 5G.

Syarikat itu turut menggabungkan rangkaian dan kepakaran keselamatannya untuk mewujudkan penyelesaian keselamatan bagi rangkaian 5G itu.

Memiliki kehadiran di 130 negara di seluruh dunia, Nokia melabur 130 bilion euro (RM586.85 bilion) dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) sejak 2000, selain memiliki pusat inovasi di 17 negara.

Di Malaysia, Nokia memiliki beberapa pusat penting termasuk Pusat Perkhidmatan Rangkaian dan Awan yang menjadi aktiviti R&D syarikat itu, Pusat Perkhidmatan Sokongan Teknikal dan Kejuruteraan Serantau, serta Makmal Pengujian Optik dan Integrasi Serantau sejak mula berada di Malaysia pada 1990.